

# Perdana Menteri tiba di Rusia

UM-19/6/2007

Daripada AZIZ ISHAK

**MOSCOW** 18 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah tiba di sini petang ini bagi memulakan lawatan tiga hari ke Rusia yang dijangka membuka fasa baru hubungan yang lebih strategik.

Ketibaan mereka disambut dalam upacara ringkas dan perbarisan kawalan kehormat di Lapangan Terbang Vnukovo.

Abdullah dan isteri kelihatan ceria ketika beramah mesra dengan para diplomat termasuk 10 duta negara ASEAN di Rusia.

Inilah lawatan ke luar negara yang kedua menyaksikan Abdullah diiringi Jeanne selepas mereka bernikah pada 9 Jun lalu. Dua hari selepas diijab kabul, mereka bersama-sama ke Brunei menghadiri majlis pernikahan puteri Sultan Brunei.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri disambut oleh Timbalan Menteri Luar Rusia, Alexander Saltanov.

Turut berada di lapangan terbang ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin dan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman.

Mereka adalah sebahagian anggota delegasi lawatan tersebut selain Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Jamaludin Jarjis yang

tiba berasingan petang ini.

Malam ini, Abdullah dan Jeanne diraikan pada majlis makan malam anjuran Duta Malaysia, Datuk Mohammad Khalis Ali Hassan di bangunan kedutaan di sini.

Esok, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Rusia, Vladimir V. Putin dan diikuti mesyuarat dua hala, yang dijangka menyentuh beberapa isu kepentingan bersama.

Inilah lawatan pertama Perdana Menteri ke Moscow sejak dilantik ke jawatan itu. Kunjungan beliau juga dilihat istimewa kerana tahun ini merupakan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-Rusia terjalin.

Malaysia dan Rusia setakat ini menikmati hubungan yang baik dan menampilkan kemajuan pesat dalam kerjasama ekonomi, perdagangan, sains, pertahanan dan pendidikan.

Kedua-dua negara juga berkongsi pendirian dalam banyak isu antara-bangsa.

Semasa di Moscow, Perdana Menteri akan menerima kunjungan dua calon angkasawan Malaysia, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Dr. Faiz Khaled yang kini giat menjalani latihan menjelang misi ke Stesen Angkasa Lepas yang dijadulkan pada 6 Oktober ini.

Malaysia juga telah membeli 18 pesawat pejuang Sukhoi SU-30MKM buatan Rusia, dua daripadanya akan dihantar sedikit masa lagi untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).



ABDULLAH Ahmad Badawi memeriksa kawalan kehormat sejurus tiba di Moscow, Rusia untuk lawatan rasmi tiga hari ke negara itu, semalam.